

UCAPAN PERASMIAN

oleh

YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof

Menteri Kerja Raya Malaysia

QLASSIC Day 2016

31 Mei 2016

The Renaissance Hotel, Kuala Lumpur

Salutations to be provided by secretariat

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Transformasi

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, maka kita semua dapat hadir pada hari ini dan menjayakan majlis yang penuh bermakna ini bagi penggiat industri pembinaan negara, iaitu *QLASSIC Day*.

2. Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, Penilaian Kualiti Hasil Kerja Binaan atau QLASSIC merupakan suatu sistem penilaian kualiti bagi mempromosi dan meningkatkan standard industri pembinaan. Sistem ini bertujuan memberi jaminan kepada orang awam bahawa projek-projek pembinaan yang dijalankan menepati standard atau piawaian yang diukur dan dinilai melalui mutu kerja (*workmanship*).

3. Pada hari ini, kita akan meraikan para pemaju yang telah melaksanakan projek - projek yang berjaya memperolehi markah melebihi 80 peratus dalam penilaian QLASSIC. Saya percaya kejayaan ini adalah hasil usaha gigih dan inisiatif pemaju dan

kontraktor itu sendiri kerana untuk mencapai tahap kualiti yang tinggi dalam bidang pembinaan bukanlah sesuatu perkara yang mudah.

4. Sasaran markah yang tinggi dalam QLASSIC memerlukan perancangan terperinci daripada peringkat awal lagi. Komitmen untuk memastikan kualiti hasil kerja berada pada tahap yang tinggi akan mempengaruhi reka bentuk bangunan, bahan-bahan yang digunakan dan juga pemilihan perunding dan kontraktor yang akan melaksanakan sesebuah projek tersebut.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sektor pembinaan merupakan antara industri terpenting yang menyumbang kepada ekonomi negara kita. Sektor ini dijangka akan menyumbang sebanyak 5.5% kepada KDNK dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas dari tahun 2016 hingga 2020.

6. Pada tahun 2015, jumlah nilai projek-projek pembinaan telah mencapai RM126 bilion. Daripada jumlah ini, 38% atau 2,010 projek bernilai RM48 bilion adalah projek-projek kediaman dan 37% atau 2,602 projek bernilai RM46 bilion adalah projek-projek

bukan kediaman. Selebihnya 21% atau 1,760 projek bernilai RM26 bilion adalah untuk projek-projek infrastruktur dan 4% atau 641 projek dengan nilai RM6 bilion untuk projek kemudahan sosial.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Dalam tempoh yang tersebut, terdapat 4,612 projek kediaman dan bukan kediaman yang berpotensi untuk dinilai menggunakan QLASSIC. Walau bagaimanapun, hanya 303 projek pembinaan bangunan yang berdaftar untuk penilaian QLASSIC, iaitu 6.6% daripada keseluruhan jumlah projek-projek yang berpotensi. Jumlah ini adalah sangat kecil dan jauh daripada sasaran yang kita inginkan untuk industri pembinaan tempatan.

8. Justru, saya ingin menggalakkan semua penggiat industri untuk berdaftar sekaligus melaksanakan penilaian QLASSIC bagi projek-projek yang akan dijalankan pada masa hadapan. Walaupun pada masa ini penilaian QLASSIC dilaksanakan secara sukarela, penggiat industri harus melakukan persediaan awal sekiranya QLASSIC dijadikan sebagai penilaian mandatori untuk projek-projek pembinaan bangunan pada masa hadapan. Pemaju-

pemaju yang mempunyai pengalaman dan “*track record*” yang baik di dalam QCLASSIC akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk bersaing bagi projek-projek tertentu.

9. Bagi sektor pembinaan, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah merangka satu program iaitu Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). CITP merupakan sebuah rancangan yang komprehensif selama 5 tahun untuk mentransformasikan industri pembinaan negara dari tahun 2016 hingga 2020. CITP telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 10 September 2015 sempena Minggu Pembinaan Antarabangsa 2015.

10. CITP mengandungi 4 teras utama yang bertujuan untuk mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Di bawah Teras Strategik Pertama, iaitu *Quality, Safety and Professionalism*, CITP berhasrat membudayakan kualiti, keselamatan dan profesionalisme ke dalam industri pembinaan dengan

meningkatkan penekanan terhadap kualiti dan melaksanakan penilaian kualiti. Antara *key outcome* yang ditetapkan di bawah teras tersebut adalah supaya lebih 50% projek awam melepasi skor QLASSIC.

11. Di dalam CITP juga, penilaian QLASSIC akan dijadikan syarat untuk mendapatkan *Certificate of Practical Completion* bagi projek-projek Kerajaan yang bernilai RM50 juta dan ke atas dan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) untuk projek-projek swasta bernilai sekurang-kurangnya RM50 juta. Selain itu, markah penilaian QLASSIC juga akan dijadikan antara kriteria pemilihan kontraktor semasa proses penilaian tender.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Dalam usaha untuk mencapai markah tinggi dalam penilaian QLASSIC, pemaju-pemaju juga boleh mengguna pakai *Industrialised Building System* (IBS), *Building Information Modelling* (BIM) serta mekanisme sedia ada yang lain dalam melaksanakan projek-projek. Usaha ini bukan sahaja akan

meningkatkan lagi kualiti binaan malah menetapkan tanda aras atau *standard* bagi projek-projek lain akan datang.

13. Bagi menampung permintaan yang dijangka akan meningkat, pihak CIDB perlu bersedia untuk menambah jumlah penilai bebas yang terlatih untuk melaksanakan penilaian QLASSIC. Promosi dan penjenamaan QLASSIC juga perlu ditingkatkan bagi memastikan orang ramai sedar akan kepentingan dan keperluan kualiti rumah kediaman mereka. Dengan itu, saya berharap agar jenama QLASSIC akan menjadi simbol kualiti dalam pembinaan dan seterusnya dikenali di seluruh negara.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penggiat industri yang telah berjaya mendapat markah tertinggi dalam penilaian QLASSIC tahun ini. Saya harap lebih ramai lagi pemaju dan kontraktor akan mengguna pakai QLASSIC dalam projek pembinaan mereka untuk menilai dan mempertingkatkan kualiti serta daya saing, seterusnya memeriahkan lagi QLASSIC Day pada tahun hadapan, Insha Allah.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini
merasmikan QCLASSIC Day 2016.

Terima kasih.